

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2008

**PELANTIKAN SEMULA PEGAWAI
YANG TELAH DIBERSARAKAN ATAS SEBAB KESIHATAN**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan dasar dan prosedur pelantikan semula pegawai yang telah dibersarakan atas sebab kesihatan.

DEFINISI

2. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini:

“**panel perubatan**” bermaksud sebuah lembaga atau panel yang ditubuhkan atas permintaan Pihak Berkuasa Melantik dan dianggotai tidak kurang daripada dua orang pengamal perubatan berdaftar di bawah

Akta Perubatan 1971 [Akta 50], yang salah seorang daripada mereka adalah pakar dalam penyakit yang pernah dihidapi oleh pesara;

“**pegawai**” bermaksud seseorang pegawai atau pekerja dari kalangan pesara yang dilantik semula oleh Pihak Berkuasa Melantik sama ada secara tetap, sementara atau kontrak;

“**pesara**” bermaksud seseorang pegawai sektor awam warganegara Malaysia yang dibersarakan atas sebab kesihatan mengikut undang-undang pencen yang berkenaan termasuk pegawai yang berada di bawah skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); dan

“**Pihak Berkuasa Melantik**” bermaksud Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Pasukan Polis dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

LATAR BELAKANG

3. Dasar mengenai pelantikan semula pegawai yang telah dibersarakan atas sebab kesihatan telah diperuntukkan di bawah Peraturan 8(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U. (A) 176/2005]. Menurut peraturan tersebut, pesara boleh dilantik semula ke dalam perkhidmatan awam jika disahkan sihat dan berkeupayaan melaksanakan tugas dengan memuaskan oleh suatu panel perubatan yang ditubuhkan atas permintaan Pihak Berkuasa Melantik (PBM).

4. Peraturan ini selaras dengan perubahan dan kemajuan pesat dalam bidang perubatan yang kini mampu menyembuhkan pelbagai jenis penyakit yang suatu ketika dahulu sukar diubati. Dengan perkembangan ini, terdapat pegawai yang dibersarakan atas sebab kesihatan telah pulih sepenuhnya dan

berupaya untuk kembali berkhidmat serta menyumbangkan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran ke dalam perkhidmatan awam.

PRINSIP

5. Prinsip pelantikan semula pesara ke dalam perkhidmatan awam adalah seperti berikut:

- (i) pesara disahkan sihat dan berkeupayaan melaksanakan tugas sepenuhnya dengan memuaskan oleh suatu panel perubatan yang ditubuhkan atas permintaan PBM;
- (ii) pelantikan boleh dibuat sama ada secara tetap, sementara atau kontrak;
- (iii) pelantikan hendaklah memenuhi syarat-syarat skim perkhidmatan jawatan berkenaan;
- (iv) pelantikan hanya boleh dibuat atas gred lantikan mengikut skim perkhidmatan yang berkenaan. Pelantikan tidak boleh dibuat atas gred kenaikan pangkat kecuali bagi skim perkhidmatan yang memperuntukkan pelantikan secara *lateral* ; dan
- (v) pencen pesara yang dilantik semula secara tetap akan digantung di bawah undang-undang pencen sepanjang tempoh pelantikan semulanya.

PROSEDUR

6. Prosedur pelantikan semula pesara ke dalam perkhidmatan awam adalah seperti berikut:

- (i) permohonan boleh dibuat oleh pesara kepada PBM berdasarkan iklan kekosongan jawatan;
- (ii) sekiranya PBM berpendapat pesara tersebut layak dipertimbangkan setelah tapisan terakhir bagi tujuan pengambilan dilaksanakan, PBM hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia untuk menubuhkan suatu panel perubatan bagi memeriksa tahap kesihatan dan menilai keupayaan pesara untuk melaksanakan tugas sepenuhnya dengan memuaskan sesuai dengan gred jawatan yang dipohon; dan
- (iii) PBM mempertimbangkan pelantikan pesara setelah memperoleh laporan daripada panel perubatan.

PEMAKLUMAN STATUS PESARA

7. Pesara hendaklah memaklumkan kepada PBM mengenai status persaraannya sewaktu permohonan pelantikan dibuat dan sama ada beliau menerima pencen ataupun tidak.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

8. Penetapan gaji permulaan bagi pesara yang dilantik secara tetap atau sementara hendaklah berdasarkan kepada gaji permulaan yang ditetapkan mengikut skim perkhidmatan yang berkenaan. Penetapan gaji permulaan yang

lebih tinggi boleh dibuat dengan kelulusan PBM selaras dengan Peraturan 23(2) dan 23(3), P.U. (A) 176/2005.

9. Penetapan gaji permulaan bagi pesara yang dilantik secara kontrak hendaklah berdasarkan kepada peraturan pelantikan secara kontrak yang sedang berkuat kuasa.

FAEDAH PERSARAAN

10. Pegawai yang dilantik semula secara tetap adalah tertakluk kepada undang-undang pencen yang berkenaan.

Penggantungan Bayaran Pencen

11. Pencen pesara yang dilantik semula secara tetap akan digantung di bawah undang-undang pencen sepanjang tempoh pelantikan semulanya. Bagi tujuan tersebut, Ketua Jabatan semasa melantik semula pegawai hendaklah mengemukakan borang seperti mana di **Lampiran A** berserta dengan kad pesara kepada pihak berkuasa pencen bagi tujuan penggantungan bayaran pencen.

12. Pegawai yang dilantik semula yang akan menamatkan perkhidmatan adalah bertanggungjawab memaklumkan mengenainya kepada pihak berkuasa pencen bagi membolehkan pemulihan dibuat ke atas bayaran pencennya.

Tawaran Opsyen KWSP

13. Pesara yang dilantik semula secara tetap akan diberikan tawaran opsyen Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di bawah undang-undang pencen. Pegawai yang memilih Skim KWSP akan terus mencarum dalam

KWSP. Sebaliknya, pegawai yang menolak Skim KWSP adalah tertakluk kepada Skim Pencen.

Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR)

14. Pesara yang dilantik semula layak dipertimbangkan pemberian wang tunai gantian cuti rehat berasaskan pengumpulan cuti rehat di bawah undang-undang pencen yang berkuat kuasa semasa tempoh pelantikan semulanya.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

15. Pesara yang dilantik semula layak dipertimbangkan pemberian elaun dan kemudahan mengikut peraturan yang berkuat kuasa tertakluk kepada taraf pelantikan sama ada tetap, sementara atau kontrak.

16. Perkhidmatan terdahulu pegawai hendaklah diambil kira bagi tujuan penentuan kelayakan pemberian kemudahan dalam pelantikan semulanya, seperti contoh berikut:

- (i) mana-mana kemudahan yang diberikan berdasarkan kelayakan sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan, pegawai boleh dipertimbangkan kemudahan berkenaan sekiranya ia belum digunakan semasa dalam perkhidmatan terdahulu, seperti kemudahan Cuti Haji;
- (ii) mana-mana kemudahan yang diberikan berdasarkan kriteria syarat tempoh perkhidmatan, pegawai boleh dipertimbangkan kemudahan tersebut setelah memenuhi tempoh perkhidmatan yang disyaratkan, seperti kemudahan Cuti Tanpa Gaji dan Cuti Tanpa Gaji Ikut Pasangan; dan

- (iii) mana-mana kemudahan yang mempunyai had atas kadarnya, pegawai boleh dipertimbangkan kemudahan tersebut mengikut baki yang masih belum digunakan dalam perkhidmatan terdahulu, seperti kemudahan Cuti Menjaga Anak.

17. Pegawai boleh dipertimbangkan kemudahan pinjaman seperti pinjaman perumahan, kenderaan, komputer dan sebagainya tertakluk kepada pekeliling berkaitan yang berkuat kuasa.

18. Walau apa pun peruntukan dalam perenggan 16 dan 17, pegawai tidak boleh menuntut apa-apa kemudahan yang luput dengan persaraannya semasa dalam pelantikan semula.

PEMAKLUMAN PELANTIKAN

19. Pelantikan semula pesara secara tetap yang melibatkan penggantungan pencennya hendaklah dimaklumkan oleh Ketua Jabatan kepada pihak yang memberi pinjaman seperti di perenggan 17 bagi membolehkan urusan pinjamannya diselaraskan semula.

KEKECUALIAN

20. Sebarang pengecualian daripada mana-mana peruntukan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.


TARIKH KUAT KUASA

21. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

22. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini terpakai kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan dengan mengambil kira undang-undang pencen yang berkenaan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
PUTRAJAYA**

Tarikh: /2 Jun 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

PEMBERITAHUAN PELANTIKAN PESARA SEBAGAI PEGAWAI TETAP BAGI MAKSUD PERTIMBANGAN PENGGANTUNGAN PENCEN DI BAWAH SEKSYEN 23 AKTA PENCEN 1980 (AKTA 227) ATAU SEKSYEN 26 AKTA PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN 1980 (AKTA 239)

Saya dengan ini mengesahkan bahawaNombor Kad Pengenalan adalah seorang pesara Kerajaan yang telah diberi pencen/ seorang pesara pilihan yang belum mula diberi pencen di bawah undang-undang pencen.* Beliau telah dilantik semula sebagai seorang pegawai tetap dalam perkhidmatan awam/ pihak berkuasa berkanun/ pihak berkuasa tempatan* (surat pelantikan dilampirkan) berkuat kuasa

2. Pemberitahuan ini adalah untuk membolehkan pertimbangan supaya pencen yang telah diberi kepada pegawai ini/ pencen yang sepatutnya diberi kepada beliau kelak* di bawah undang-undang pencen digantungkan pembayarannya sepanjang tempoh ia dilantik semula sebagai seorang pegawai tetap, selaras dengan peruntukan seksyen 23, Akta 227/ seksyen 26, Akta 239.* Bersama-sama ini dikembalikan Kad Pesara pegawai/ pekerja ini.

3. Pegawai ini telah dimaklumkan mengenai pertimbangan penggantungan pembayaran pencen yang dimaksudkan di perenggan 2 di atas. Beliau juga memahami tanggungjawab beliau untuk memberitahu Jabatan Perkhidmatan Awam apabila beliau menamatkan tempoh pelantikan semula, sama ada secara persaraan atau melalui cara lain, untuk membolehkan pemulihan pembayaran pencen atau percantuman perkhidmatan lepas dengan tempoh pelantikan semula, mana yang berkenaan, di bawah undang-undang pencen.

Tandatangan Ketua Jabatan:

Nama Ketua Jabatan: _____

Kementerian / Jabatan: _____

Tarikh: _____

Nota:

- * *Potong mana yang tidak berkenaan.
Pemberitahuan ini hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa pencen.*